

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ): GOODWILL DISCOUNT FOR RULE 78 (HIRE PURCHASE ACT (HPA))

SECTION 1: INTRODUCTION & GENERAL UNDERSTANDING

1. What is a goodwill discount?

A goodwill discount is a financial relief provided to eligible customers whose Hire Purchase (HP) accounts were calculated under the Rule of 78 method. It reduces the early settlement amount during the industry's transition to the reducing balance method.

2. Why am I receiving a goodwill discount?

The goodwill discount ensures fairness during the transition away from the Rule 78 method which allocates more profit in the earlier years of the financing. This discount helps ensure customers do not overpay unearned term charges when settling early.

3. When is the effective date for the goodwill discount?

The goodwill discount will take effect once the amended Hire Purchase Act (HPA) is officially gazetted by Bank Negara Malaysia (BNM).

4. Does the goodwill discount apply automatically?

No. Customers must request an early settlement quotation. The goodwill discount will be reflected in the quotation if the customer is eligible.

SECTION 2: SCOPE OF ELIGIBLE CUSTOMERS

5. Who is eligible for the goodwill discount?

Customers (individuals, micro or small businesses) are eligible if they meet all of the following criteria:

- Have a fixed-rate Hire Purchase account calculated under the Rule of 78 method;
- Perform an early settlement during the 18 months transition period; and
- Have a good payment record (i.e., account is not in arrears exceeding 90 days at the point of early settlement).

6. What are the eligibility criteria for the goodwill discount?

Customers must not fall under the following scenarios at the point of early settlement:

- Accounts in arrears exceeding 90 days;
- Accounts undergoing legal proceedings or with a repossession order issued; and
- Accounts under an existing Restructuring & Rescheduling (R&R) plan or enrolled in a debt management programme.

7. Do I need to settle my arrears before requesting early settlement?

Yes. Customers with outstanding arrears must fully settle all arrears before the goodwill discount can be applied to early settlement. Only accounts in good standing are eligible for the discount.

8. If my account was previously in arrears more than 90 days but is now up to date, am I eligible?

Yes. Customers who have fully regularised their accounts are considered to have a good payment record and are eligible for the goodwill discount.

9. If a repossession order was previously issued but my account is now regularised, am I eligible?

The Bank will review your case on a discretionary basis. Eligibility may be granted depending on payment behaviour, account conduct, and fairness considerations.

10. Is the goodwill discount applicable to new or existing customers?

The goodwill discount applies to:

- Existing customers with Rule 78 Hire Purchase accounts.
- New customers who take up fixed-rate Hire Purchase financing within the transition period after the Act is gazetted.

11. Does the goodwill discount apply to other financing under Rule 78?

No. The goodwill discount applies only to fixed-rate Hire Purchase financing under the Rule of 78 method.

SECTION 3: CALCULATION & APPLICATION OF DISCOUNT

12. What is the goodwill discount percentage (as per BNM guideline)?

The discount percentage will follow BNM's official guideline, using the approved formula based on the outstanding tenure.

13. How is the early settlement amount calculated (Rule of 78)?

Rule of 78 (Profit Rebate) Formula:

$$\text{Rebate} = \frac{n \times (n + 1)}{N \times (N + 1)} \times \text{TC}$$

Where:

- **R or Rebate** = Profit (term charges) rebate
- **n** = Remaining financing period (months)
- **N** = Original financing period (months)
- **TC** = Total profit/term charges payable for the entire financing period

14. Is the goodwill discount the same for every customer?

No. The discount amount varies based on your financing amount, tenure, and remaining period.

15. How will I know the exact goodwill discount amount?

The Bank will inform you of:

- The exact amount of the goodwill discount.
- The final outstanding amount to be paid after the discount.

SECTION 4: SPECIAL SCENARIOS

16. How is the goodwill discount applied for accounts previously under moratorium?

The discount is calculated using the original tenure and settlement timing, as if the moratorium had not occurred.

17. What if my account previously received payment assistance (TRA/R&R) but has exited?

The goodwill discount will be applied based on the revised tenure and terms under the new agreement signed during the assistance programme.

18. If I already settled my HP account before the Act was gazetted, will I get a refund?

No. The goodwill discount is only applicable to early settlements made after the effective gazette date and within the 18 months transition period.

SECTION 5: PAYMENT CHANNELS & MANNER OF SETTLEMENT

19. If I settle my HP via online banking, dealer trade-in, or through another bank, will I still get the goodwill discount?

Yes. Eligible customers will receive the discount regardless of the payment channel used.

20. What if the discount cannot be applied immediately when I make payment?

The Bank will refund the goodwill discount:

- Within 10 working days (if you have an account with the Bank)
- Within 20 working days (if you do not have an account with the Bank)

21. Will the goodwill discount reduce my instalment amount?

No. The goodwill discount only reduces the early settlement amount. Your monthly instalments remain unchanged.

SECTION 6: HOW TO REQUEST, DOCUMENTS & PROCESSING TIME

22. How can I request the goodwill discount?

Customers may request for early settlement and the goodwill discount through:

- Walking into any Bank Muamalat branch; or
- Contacting the Customer Service Centre at 03 - 2600 5500

23. What documents do I need to request early settlement?

Customers only need to provide:

- Identification (IC)
- Vehicle registration number
- HP account number

24. How long does it take to receive the early settlement quotation?

Early settlement quotations are generally issued within 1-3 working days.

25. How can I make payment after receiving the settlement quotation?

Payment can be made via:

- Bank Muamalat counters
- Online banking
- Any official payment channel stated in the settlement notice.

SECTION 7: PRODUCT COVERAGE & SYSTEM-RELATED QUESTIONS

26. Are all products eligible for the goodwill discount?

No. The goodwill discount applies **only** to fixed-rate Hire Purchase financing calculated under the Rule of 78 method. Variable-rate HP financing and non-HP products are **not** eligible.

27. Will the goodwill discount affect my CCRIS or financing record?

No. Receiving the goodwill discount does not affect your CCRIS record or financing standing.

28. Will there be any extension to the implementation date?

No. All banks must implement the discount on the HPAA effective date. No extensions will be granted by BNM.

29. Does the goodwill discount have an expiry date?

There is no fixed expiry date. The goodwill discount applies as long as the customer's account was originally calculated under Rule 78 and falls within the prescribed transition period.

30. Does this affect the reference rate for corporate HP customers?

No. The discount does not affect corporate HP reference rates.

SECTION 8: SUPPORT & CONTACT

31. Who can customers contact for assistance?

Customers may contact:

- Their nearest Bank Muamalat branch; or
- Customer Service Centre at 03 - 2600 5500

SOALAN LAZIM (FAQ) : DISKAUN IHSAN UNTUK RULE 78 (AKTA SEWA BELI (HPA))

BAHAGIAN 1: PENGENALAN & PEMAHAMAN AM

1. Apakah diskaun ihsan?

Diskaun ihsan adalah bantuan kewangan yang diberikan kepada pelanggan yang layak dengan akaun Sewa Beli (HP) yang dikira menggunakan Kaedah Rule of 78. Ia mengurangkan jumlah penyelesaian awal semasa peralihan industri kepada kaedah baki menurun.

2. Mengapa saya menerima diskaun ihsan?

Diskaun ihsan memastikan keadilan semasa peralihan daripada Kaedah Rule of 78, yang memperuntukkan lebih keuntungan pada tahun-tahun awal pembiayaan. Diskaun ini membantu memastikan pelanggan tidak membayar lebih untuk caj tempoh yang belum diperoleh apabila membuat penyelesaian awal.

3. Bilakah tarikh berkuatkuasa diskaun ihsan?

Diskaun ihsan akan berkuatkuasa sebaik sahaja Akta Sewa Beli (HPA) yang dipinda digazetkan secara rasmi oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

4. Adakah diskaun ihsan digunakan secara automatik?

Tidak. Pelanggan mesti membuat permohonan sebut harga penyelesaian awal. Diskaun ihsan akan dipaparkan dalam sebut harga jika pelanggan layak.

BAHAGIAN 2: SKOP PELANGGAN YANG LAYAK

5. Siapa yang layak untuk diskaun ihsan?

Pelanggan (individu, perniagaan mikro atau kecil) layak jika memenuhi semua kriteria berikut:

- Mempunyai akaun Sewa Beli kadar tetap yang dikira mengikut Kaedah Rule of 78;
- Melakukan penyelesaian awal semasa tempoh peralihan 18 bulan; dan
- Mempunyai rekod pembayaran yang baik – akaun tidak mempunyai tunggakan lebih daripada 90 hari pada masa penyelesaian awal. Sekiranya terdapat tunggakan, pelanggan mesti menyelesaikan semua tunggakan sebelum penyelesaian awal.

6. Apakah kriteria kelayakan untuk diskaun ihsan?

Pelanggan tidak boleh berada dalam situasi berikut pada masa penyelesaian awal:

- Akaun tunggakan melebihi 90 hari;
- Akaun sedang dalam prosiding undang-undang atau mempunyai perintah penyitaan; dan
- Akaun berada di bawah pelan Penstrukturan Semula & Penjadualan Semula (R&R) atau program pengurusan hutang.

7. Adakah saya perlu menyelesaikan tunggakan sebelum membuat permohonan penyelesaian awal?

Ya. Pelanggan dengan tunggakan perlu menyelesaikan sepenuhnya semua tunggakan sebelum diskaun ihsan boleh digunakan. Hanya akaun yang berada dalam keadaan baik layak menerima diskaun ini.

8. Jika akaun saya sebelum ini mempunyai tunggakan lebih daripada 90 hari tetapi kini sudah diselesaikan, adakah saya layak?

Ya. Pelanggan yang telah menyelesaikan akaun mereka sepenuhnya dianggap mempunyai rekod pembayaran yang baik dan layak untuk diskaun ihsan.

9. Jika perintah penyitaan telah dikeluarkan sebelum ini tetapi akaun saya kini telah diselesaikan, adakah saya layak?

Bank akan menyemak kes anda atas dasar budi bicara. Kelayakan boleh diberikan bergantung kepada tingkah laku pembayaran, rekod akaun, dan pertimbangan keadilan.

10. Adakah diskaun ihsan terpakai kepada pelanggan baru atau sedia ada?

Diskaun ihsan terpakai kepada:

- Pelanggan sedia ada dengan akaun Sewa Beli Rule 78.
- Pelanggan baru yang mengambil pembiayaan Sewa Beli kadar tetap dalam tempoh peralihan selepas Akta digazetkan.

11. Adakah diskaun ihsan terpakai kepada pembiayaan lain di bawah Rule 78?

Tidak. Diskaun ihsan hanya terpakai kepada pembiayaan Sewa Beli kadar tetap mengikut Kaedah Rule of 78.

BAHAGIAN 3: PENGIRAAN & PELAKSANAAN DISKAUN

12. Berapakah peratusan diskaun ihsan (mengikut panduan BNM)?

Peratusan diskaun akan mengikut panduan rasmi BNM, menggunakan formula yang diluluskan berdasarkan baki tempoh pembiayaan.

13. Bagaimanakah jumlah penyelesaian awal dikira (Rule of 78)?

Formula Rule of 78 (Rebat Keuntungan):

$$\text{Rebate} = \frac{n \times (n + 1)}{N \times (N + 1)} \times \text{TC}$$

Di mana:

- **R atau Rebate** = Tempoh pembiayaan baki (bulan)
- **n** = Tempoh pembiayaan asal (bulan)
- **N** = Original financing period (months)
- **TC** = Jumlah keuntungan/caj tempoh yang perlu dibayar untuk keseluruhan tempoh pembiayaan

14. Adakah diskaun ihsan sama untuk setiap pelanggan?

Tidak. Jumlah diskaun berbeza berdasarkan jumlah pembiayaan, tempoh asal, dan baki tempoh pada masa penyelesaian awal.

15. Bagaimanakah saya tahu jumlah diskaun ihsan yang tepat?

Bank akan memaklumkan melalui sebut harga penyelesaian awal:

- Jumlah diskaun ihsan yang tepat.
- Jumlah baki akhir yang perlu dibayar selepas diskaun.

BAHAGIAN 4: SENARIO KHAS

16. Bagaimanakah diskaun ihsan digunakan untuk akaun yang sebelum ini berada di bawah moratorium?

Diskaun dikira menggunakan tempoh asal dan masa penyelesaian, seolah-olah moratorium tidak berlaku.

17. Bagaimana jika akaun saya sebelum ini menerima bantuan pembayaran (TRA/R&R) tetapi telah keluar?

Diskaun ihsan akan digunakan berdasarkan tempoh dan terma yang dipinda dalam perjanjian baru yang ditandatangani semasa program bantuan.

18. Jika saya telah menyelesaikan akaun HP sebelum Akta digazetkan, adakah saya akan mendapat bayaran balik?

Tidak. Diskaun ihsan hanya terpakai kepada penyelesaian awal yang dibuat selepas tarikh gazet berkuatkuasa dan dalam tempoh peralihan 18 bulan.

BAHAGIAN 5: SALURAN PEMBAYARAN & CARA PENYELESAIAN

19. Jika saya membuat penyelesaian HP melalui perbankan dalam talian, tukar beli dengan peniaga, atau melalui bank lain, adakah saya masih akan mendapat diskaun ihsan?

Ya. Pelanggan yang layak akan menerima diskaun tanpa mengira saluran pembayaran yang digunakan.

20. Apa yang berlaku jika diskaun tidak dapat digunakan serta-merta semasa saya membuat pembayaran?

Bank akan memulangkan diskaun ihsan:

- Dalam 10 hari bekerja (jika anda mempunyai akaun dengan Bank)
- Dalam 20 hari bekerja (jika anda tiada akaun dengan Bank)

21. Adakah diskaun ihsan akan mengurangkan jumlah ansuran bulanan saya?

Tidak. Diskaun hanya mengurangkan jumlah penyelesaian awal. Ansuran bulanan anda tetap tidak berubah.

BAHAGIAN 6: CARA PERMOHONAN, DOKUMEN & MASA PEMROSESAN

22. Bagaimana saya boleh memohon diskaun ihsan?

Pelanggan boleh membuat permohonan penyelesaian awal dan diskaun ihsan melalui:

- Mengunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat; atau
- Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03 - 2600 5500

23. Dokumen apa yang diperlukan untuk permohonan penyelesaian awal?

Pelanggan perlu menyediakan:

- Kad Pengenalan (IC)
- Nombor pendaftaran kenderaan
- Nombor akaun HP

24. Berapa lama masa untuk menerima sebut harga penyelesaian awal?

Sebut harga penyelesaian awal biasanya dikeluarkan dalam 1-3 hari bekerja.

25. Bagaimana saya boleh membuat pembayaran selepas menerima sebut harga penyelesaian?

Pembayaran boleh dibuat melalui:

- Kaunter Bank Muamalat
- Perbankan dalam talian
- Mana-mana saluran pembayaran rasmi yang dinyatakan dalam notis penyelesaian.

BAHAGIAN 7: LIPUTAN PRODUK & SOALAN BERKAITAN SISTEM

26. Adakah semua produk layak untuk diskaun ihsan?

Tidak. Diskaun ihsan hanya terpakai kepada pembiayaan Sewa Beli kadar tetap mengikut Kaedah Rule 78. Pembiayaan HP kadar berubah dan produk bukan HP tidak layak.

27. Adakah diskaun ihsan menjejaskan rekod CCRIS atau pembiayaan saya?

Tidak. Menerima diskaun ihsan tidak menjejaskan rekod CCRIS atau kedudukan pembiayaan anda.

28. Adakah terdapat sebarang lanjutan tarikh pelaksanaan?

Tidak. Semua bank mesti melaksanakan diskaun pada tarikh berkuatkuasa HPAA. BNM tidak memberi lanjutan.

29. Adakah diskaun ihsan mempunyai tarikh luput?

Tiada tarikh luput tetap. Diskaun ihsan terpakai selagi akaun pelanggan asalnya dikira mengikut Rule 78 dan berada dalam tempoh peralihan yang ditetapkan.

30. Adakah ini menjejaskan kadar rujukan untuk pelanggan korporat HP?

Tidak. Diskaun tidak menjejaskan kadar rujukan bagi pelanggan korporat HP.

BAHAGIAN 8: SOKONGAN & RUJUKAN

31. Siapa yang boleh dihubungi oleh pelanggan untuk mendapatkan bantuan?

Pelanggan boleh menghubungi:

- Cawangan Bank Muamalat yang terdekat; atau
- Pusat Khidmat Pelanggan di 03 - 2600 5500